

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan:

- (a) perancangan Kementerian dalam usaha transformasi Pusat Komuniti Desa (PKD) berpandukan perancangan RMK-12; dan
- (b) kriteria-kriteria pemilihan lokasi bagi membina Pusat Komuniti Desa (PKD) dalam satu-satu kawasan luar bandar.

JAWAPAN

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan Kementerian dalam usaha tranformasi Pusat Komunti Desa (PKD) berpandukan RMK-12 adalah seperti berikut:
 - (i) premis PKD akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengalakkan interaksi sosial dengan mempergiatkan lagi aktiviti yang mengalakkan kesepaduan sosial, perpaduan, patriotism dan kesukarelawan dengan kerjasama sektor swasta dan Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO) sejajar dengan Strategi : Memperkukuhkan Kerjasama antara Pihak Berkepentingan;
 - (ii) kemudahan internet di PKD termasuk PKD di negeri Sabah dan Sarawak dengan kelajuan sekurang-kurangnya 8Mbps untuk menikmati perkhidmatan atas talian, pembelajaran secara atas talian dan penajaan pendapatan/pengembangan perniagaan

melalui teknologi digital/platform e-dagang dalam bidang keusahawanan selaras dengan penetapan Strategi : Mempercepat Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan;

- (iii) PKD juga turut akan diperkasakan melalui transformasi sebagai Pusat Digital Keluarga Malaysia agar dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik dan bersepadu bagi merapatkan jurang digital terutama antara luar bandar dan bandar; dan
- (iv) PKD turut memperluaskan peranan dan fungsi sedia ada termasuk menjalinkan kerjasama strategi dengan POS Malaysia sebagai pusat pengumpulan pos bagi memudahcara aktiviti sosioekonomi selari dengan Strategi: Memajukan Pembangunan Luar Bandar.

b) Kriteria-kriteria pemilihan lokasi bagi membina Pusat Komuniti Desa (PKD) dalam satu-satu kawasan luar bandar adalah seperti berikut:

- (i) mempunyai peruntukan dan perjawatan yang mencukupi untuk mewujudkan PKD baharu;
- (ii) terletak di kawasan luar bandar dan tiada PKD di kawasan Parlimen berkaitan;
- (iii) status tanah dan bangunan adalah sama ada milik Kerajaan Negeri atau Persekutuan; dan
- (iv) capaian perkhidmatan yang terhad di kawasan setempat disebabkan kekurangan pengangkutan dan kemudahan.